

## MENINGKATKAN KEUPAYAAN PELAJAR MENINGAT FAKTA SEJARAH DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH MNEUMONIK

Oleh

**Tang Geok Ling**

Sek. Men. Keb. Engkilili,  
95800 Engkilili, Sri Aman

### **Abstrak**

*Kajian tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pelajar Tingkatan 1 Amanah SMK Engkilili dalam mengingat fakta-fakta Sejarah dengan menggunakan kaedah mneumonik. Dalam kajian ini, saya telah mengumpul data melalui beberapa cara, antaranya seperti temu bual dengan enam orang pelajar, merujuk catatan diari saya, menganalisis catatan murid, berbincang dengan guru Sejarah lain dan membuat pemerhatian terhadap pelajar semasa proses pelaksanaan kaedah mneumonik. Saya telah melaksanakan kaedah mneumonik dalam dua peringkat. Peringkat pertama, melibatkan pengenalan kaedah mneumonik dan dilaksanakan secara individu mana kala pada peringkat kedua pula, kaedah ini dilaksanakan secara berkumpulan. Kajian ini pada akhirnya mendapati bahawa kaedah mneumonik dapat membantu murid saya mengingat fakta Sejarah dengan lebih berkesan dan memudahkan mereka membuat ulang kaji. Di samping itu, daya kreativiti pelajar juga dapat dicungkil.*

### **BERMULANYA SAYA.....**

Saya seorang guru lepasan Universiti Sains Malaysia. Setelah tamat pengajian, saya ditugaskan sebagai seorang guru Sejarah dan Geografi di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Engkilili pada tahun 2002. SMK Engkilili ialah sebuah sekolah yang terletak di Bahagian Sri Aman. Lokasinya terletak kira-kira 34km dari bandar Sri Aman. Ia merupakan sebuah sekolah berasrama harian. Jumlah staf akademik di sekolah ini adalah 64 orang. Jumlah keseluruhan pelajar ialah 945 orang. Pelajar kaum Iban merupakan kaum majoriti dan kaum yang lain terdiri daripada kaum Cina, Melayu, Bidayuh dan India. Kebanyakan ibu bapa pelajar di sekolah ini adalah petani.

### **KEPRIHATINAN SAYA**

Saya ditugaskan sebagai seorang guru Sejarah sejak saya mula bertugas di SMK Engkilili. Dalam tempoh 3 tahun saya berkhidmat di sekolah tersebut, saya ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Sejarah bagi Tingkatan 3. Selama 3 tahun saya menjadi guru Sejarah, saya telah menghadapi pelbagai masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Masalah yang ketara sekali dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah ialah pelajar sukar untuk mengingat fakta-fakta Sejarah dalam jangka masa panjang. Masalah ini merupakan salah satu punca yang boleh mengikis minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah.

Saya juga difahamkan oleh rakan guru Sejarah yang lain bahawa masalah ini bukan sahaja merupakan masalah pelajar saya sahaja bahkan pelajar tingkatan lain turut menghadapi masalah yang sama. Selain itu, guru mata pelajaran yang lain seperti Sains, Geografi, Matematik dan sebagai juga menghadapi masalah yang sama.

Pada tahun ini, tiga kelas Tingkatan Satu bagi mata pelajaran Sejarah iaitu Tingkatan 1 Amanah, 1 Bestari dan 1 Efisen telah diberikan kepada saya untuk diajar sebagai tambahan. Memandangkan mata pelajaran Sejarah merupakan satu mata pelajaran yang baru bagi pelajar Tingkatan Satu, selepas 3 bulan sesi pengajaran dan pembelajaran, saya telah mendapati bahawa pelajar-pelajar Tingkatan Satu juga menghadapi masalah yang sama termasuklah kelas yang cemerlang seperti Tingkatan 1 Amanah. Masalah ini telah dikenal pasti oleh guru apabila pelajar Tingkatan 1 Amanah dapat menyiapkan segala latihan dan memberi jawapan yang betul selepas sahaja guru mengajar, tetapi mereka akan terlupa faktanya selepas sesi pengajaran. Hal ini dibukti sekali lagi apabila saya meminta pelajar Tingkatan 1 Amanah yang mendapat markah kurang daripada 50% menyenaraikan

sebab-sebab mereka gagal dalam mata pelajaran Sejarah dalam catatan mereka. Analisis catatan pelajar mendapati faktor utama yang menyebabkan pelajar gagal dalam peperiksaan ialah faktor sukar mengingatkan fakta-fakta Sejarah. Faktor-faktor lain yang dikenal pasti adalah seperti tidak mengulang kaji, tidak ada bahan rujukan, tidak menumpu perhatian semasa guru mengajar, menganggap mata pelajaran Sejarah kurang penting dan hanya menumpu kepada mata pelajaran yang utama sahaja.

Petikan-petikan berikut merupakan keluhan pelajar Tingkatan 1 Amanah yang berkaitan dengan masalah mengingatkan fakta Sejarah:

1. *"Saya cepat lupa walaupun saya membuat ulang kaji"* (Catatan pelajar A)
2. *"Saya tidak ingat apa yang saya ulang kaji semasa saya belajar petang dan belajar malam"* (Catatan pelajar B)
3. *"...nak dikatakan tak minat, minat juga Sejarah tapi dia membawa masalah kepada saya. Dulu saya menganggap Sejarah ini senang dan mudah, tapi apabila saya sudah masuk Tingkatan satu, barulah saya rasa Sejarah itu agak susah kerana terlalu banyak perkara yang perlu di ingat"* (Catatan pelajar C)
4. *"Saya tidak membuat ulang kaji pada awalnya tetapi pada saat-saat yang terakhir sebab kalau belajar awal pun nanti lupa juga..... Akhirnya saya tidak sempat berulang kaji semua topik"* (Catatan pelajar D).

Daripada perspektif saya, ini menunjukkan bahawa apa yang telah dipelajari oleh pelajar hanya kekal dalam ingatan jangka pendek mereka sahaja (keupayaan terhadapnya pada satu masa). Pengajaran yang telah disampaikan itu tidak masuk dalam ingatan jangka panjang mereka (keupayaan yang tidak terhad, boleh menyimpan maklumat dalam ingatan dan dilupa secara beransur). Lupa merupakan satu kejadian biasa. Antara sebab manusia boleh lupa ialah ketiadaan saranan dan peredaran masa. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pelajar sentiasa didedahkan dengan maklumat yang baru dan mereka akan memberi fokus kepada maklumat baru. Maklumat yang baru ini akan mengambil alih tempat maklumat lama dan menyebabkan ingatan lama mula mereput. Walau bagaimanapun, strategik dan pendekatan tertentu boleh digunakan untuk membantu kita dan pelajar mengingat maklumat yang banyak dan kurangkan lupa. Satu cara untuk mengurangkan lupa ialah guru harus menjadikan pembelajaran sesuatu yang memberangsangkan. Guru boleh merancang pelbagai kaedah pengajaran yang menarik yang sesuai bagi setiap topik yang diajar. Contohnya aktiviti kumpulan, perbincangan, menjalankan projek, pembelajaran koperatif, latih tubi, mneumonik, sesi soal jawab dan banyak lagi.

### **KAEDAH MNEUMONIK**

Masalah sukar mengingat fakta ini perlu diatasi kerana ia akan menjadi halangan untuk mendapatkan pencapaian yang lebih tinggi. Atas kesedaran saya, maka timbul berbagai-bagai persoalan seperti adakah teknik yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran itu bersesuaian ataupun tidak? Oleh itu, atas inisiatif sebagai seorang pendidik, saya perlu memperkenalkan satu kaedah atau pendekatan yang sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran pelajar. Satu kaedah yang boleh ditekankan secara menyeluruh adalah kaedah mneumonik.

Kaedah mneumonik ialah satu kaedah yang boleh membantu ingatan pelajar dengan mengaitkan sesuatu bahan atau rangkai kata berdasarkan huruf-huruf pangkal untuk diingat dengan sesuatu yang bermakna kepada pelajar itu (Rahil, Jami'ah & Kasnani, 2000: 43). Contohnya pelajar perlu mengingat singkatan 'JERI' yang bermaksud perkembangan Jasmani, Emosi, Rohani, dan Intelek. Kaedah atau pendekatan ini sebenarnya telah lama digunakan oleh para guru dan pelajar tetapi ia tidak diinovasi dan dikreatifkan. Inovasi ialah perubahan secara kreatif. Kaedah ini amat bertepatan dengan tugas seorang guru sebagai seorang fasilitator atau dengan kata lain pemudah cara atau pembimbing. Rata-rata pelajar apabila ditanya, masalah yang utama yang timbul dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah minat mereka terhadap mata pelajaran berkenaan. Sebagai contoh kebanyakan pelajar tidak berminat atau fobia dalam pembelajaran Sejarah. Jadi, kita sebagai pendidik mesti membuat refleksi diri. Cuba bertanya kepada diri - adakah kaedah pengajaran yang disampaikan itu mudah, menarik minat atau sebaliknya? Perkara yang penting bagi seorang guru ialah untuk menarik minat pelajar kepada subjek yang diajar.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian tindakan ini bertujuan untuk:

1. mengubah amalan pengajaran saya ke arah pendekatan yang membolehkan pelajar mudah mengingat fakta Sejarah,
2. memperkenalkan kaedah mneumonik kepada pelajar, dan
3. membolehkan pelajar menggunakan kaedah mneumonik untuk membantu diri mereka sendiri mengingat fakta Sejarah.

## PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Adakah kaedah mneumonik dapat membantu pelajar Tingkatan 1 Amanah meningkatkan keupayaan mengingat fakta-fakta Sejarah?
2. Bagaimanakah saya melaksanakan kaedah mneumonik kepada pelajar Tingkatan 1 Amanah?
3. Sejauh manakah berkesan kaedah mneumonik terhadap pelajar Tingkatan 1 Amanah?

## KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran dalam kajian ini ialah pelajar Tingkatan 1 Amanah yang terdiri daripada 38 orang pelajar. Kebanyakan pelajar Tingkatan 1 Amanah mendapat keputusan kurang daripada 50 markah dalam peperiksaan penggal pertama. Hanya 12 orang daripada 38 orang yang dapat 50 markah ke atas. Jadual 1 menunjukkan keputusan peperiksaan penggal pertama mata pelajaran Sejarah bagi Tingkatan 1 Amanah.

Jadual 1: Keputusan peperiksaan penggal pertama mata pelajaran Sejarah Tingkatan 1 Amanah

Markah (Gred)	Bilangan Murid	Peratus (%)
80-100 (A)	0	0
65-79 (B)	3	7.9
50-64 (C)	9	23.7
40-49 (D)	19	50
0-39 (E)	7	18.4
Jumlah	38	100

Berdasarkan Jadual 1, dapat disimpulkan bahawa walaupun Tingkatan 1 Amanah merupakan kelas yang terbaik dalam Tingkatan Satu, namun pencapaian peperiksaan penggal pertama bagi mata pelajaran Sejarah didapati kurang memuaskan. Punca-punca utama telah dikenal pasti iaitu pelajar sukar mengingat fakta-fakta sejarah.

Dalam kajian ini, saya dan murid memainkan peranan masing-masing. Saya sebagai guru memperkenalkan kaedah mneumonik kepada pelajar saya. Saya juga menerapkan kaedah mneumonik dalam proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan topik-topik yang sesuai. Pelajar perlu mencipta suatu rangkai kata berdasarkan huruf pangkal untuk mengingat sesuatu fakta Sejarah dan isi pelajaran yang disampaikan saya. Pelajar tidak boleh menerima bulat-bulat rangkai kata yang diberi atau dicipta. Pelajar mestilah memahami konsep dan maksud huruf pangkal yang digunakan.

## TEKNIK MENGUMPUL DATA

Kajian tindakan ini telah bermula pada bulan Mac 2005 dengan mengenal pasti fokus kajian. Fokus kajian telah dikenal pasti berdasarkan perbincangan dan temu bual dengan guru Sejarah lain, pemerhatian terhadap tingkah laku pelajar, reaksi pelajar apabila diberi soalan dan keputusan peperiksaan penggal pertama bagi mata pelajaran Sejarah.

### 1. Data Keputusan Penggal Pertama Pelajar

Melalui data keputusan penggal pertama pelajar Tingkatan 1 Amanah, saya telah membuat analisis keputusan penggal pertama bagi tingkatan tersebut dan didapati 50% daripada pelajar

mendapat 50 markah ke bawah bagi mata pelajaran Sejarah. Keadaan ini telah merisaukan saya kerana Tingkatan 1 Amanah merupakan kelas yang terbaik dalam Tingkatan Satu. Dengan ini saya telah mengambil keputusan untuk mengenal pasti faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku.

## 2. Catatan Pelajar

Saya telah mengarah pelajar yang mendapat markah kurang daripada 50% supaya menyenaraikan faktor-faktor yang menyebabkan mereka gagal dalam peperiksaan. Faktor yang ketara sekali adalah masalah mengingatkan fakta Sejarah. Dengan ini, saya telah memfokuskan kajian saya kepada masalah sukar mengingat fakta Sejarah di kalangan pelajar dengan memperkenalkan kaedah mneumonik kepada pelajar.

## 3. Catatan Guru

Saya telah mencatat segala pemerhatian saya terhadap pelaksanaan kaedah mneumonik dalam buku catatan. Saya telah membaca dan meneliti keseluruhan catatan saya untuk membuat interpretasi dan kesimpulan terhadap kajian saya.

## 4. Temu bual dengan Pelajar

Saya telah menemu bual 6 orang pelajar untuk mendapat maklum balas terhadap kaedah mneumonik yang diperkenalkan. Pelajar yang dipilih untuk temu bual ini adalah dipilih daripada setiap kumpulan (seorang dari setiap kumpulan). Hasil temu bual ini telah membolehkan saya membuat interpretasi dan kesimpulan terhadap dapatan kajian saya.

## PELAKSANAAN KAJIAN DAN DAPATAN KAJIAN

Pada bulan Mac, iaitu selepas peperiksaan penggal pertama, saya telah menentukan fokus kajian saya iaitu meningkatkan keupayaan pelajar mengingat fakta-fakta Sejarah melalui kaedah mneumonik. Saya memilih fokus kajian ini kerana saya mendapati pelajar Tingkatan 1 Amanah yang memperoleh markah kurang daripada 50% (untuk peperiksaan penggal pertama yang lepas) memberi alasan bahawa mereka tidak berupaya untuk mengingat fakta-fakta sejarah yang bertimbun-timbun. Oleh itu, saya telah membuat keputusan untuk membantu pelajar saya melalui penggunaan kaedah mneumonik supaya dapat meningkatkan keupayaan mengingatkan fakta-fakta Sejarah di kalangan mereka.

Daripada sesi soal jawab, saya mendapati bahawa kaedah mneumonik ini sebenarnya bukan satu kaedah baru bagi sebilangan pelajar. Ini disebabkan saya telah difahamkan bahawa semasa di sekolah rendah, guru Sains mereka pernah menggunakan pendekatan ini dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Tetapi pada masa itu, pelajar hanya menerima rangkaian kata yang telah ditetapkan atau dicipta oleh gurunya. Guru mereka juga hanya sekadar menerapkan kaedah ini sekali-sekala sahaja dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Maka pelajar tidak berpeluang untuk menunjukkan kreativiti mereka. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pelajar hanya sekadar mengetahui kaedah mneumonik tetapi tidak berpeluang untuk mengaplikasikannya. Oleh itu, saya berasa kaedah mneumonik ini perlu diperkenalkan semula dengan lebih teliti supaya pelajar bukan sahaja dapat menggunakan kaedah ini dalam mata pelajaran Sejarah bahkan mata pelajaran yang lain juga.

### Memperkenalkan Kaedah Mneumonik

Pada 4 April 2005 (Isnin), saya telah memperkenalkan kaedah mneumonik kepada pelajar dengan berdasarkan topik pelajaran yang lepas. Lampiran 1 menunjukkan rancangan pengajaran harian saya berkaitan. Topik yang dipilih adalah "Kaedah Pengkajian Sejarah". Melalui kaedah mneumonik, Kaedah Pengkajian Sejarah boleh dipermudahkan untuk diingati melalui penggunaan 3 perkataan sahaja iaitu "Apek Tolak Lori, Arah Timur Laut, Ali Lompat Tinggi" (Arkeologi, Bertulis, Lisan). Saya telah menjelaskan kaedah mneumonik ini kepada pelajar bersama dengan contoh seperti di atas. Kemudian, saya meminta pelajar mencipta rangkai kata sendiri berdasarkan topik Kaedah Pengkajian Sejarah. Daripada pemerhatian saya, beberapa orang pelajar mampu menghasilkan rangkaian kata yang kreatif. Contohnya seperti pada Jadual 2.

Jadual 2: Hasil Pelajar untuk Topik Kaedah Pengkajian Sejarah

1	Kaedah bertulis	Tali	Kaedah bertulis	Tangan
2	Kaedah lisan	Leher	Kaedah Arkeologi	Alexson
3	Kaedah Arkeologi	Ayah	Kaedah lisan	Luka

Walau bagaimanapun, sebilangan pelajar didapati tidak berupaya mencipta ayat sendiri. Mereka meniru dan mengubah suai ayat kawan mereka. Ini bermakna pelajar yang kurang kreatif tidak dapat menguasai kaedah ini. Oleh itu, saya perlu mengubah cara pelaksanaan kaedah mneumonik ini dengan cara lain yang lebih berkesan.

Pada minggu yang seterusnya iaitu pada **11 April 2005**, saya meneruskan usaha saya dengan kaedah yang sama tetapi pada kali ini, pelajar dibahagi kepada enam kumpulan (kaedah mneumonik berkumpulan). Kaedah mneumonik ini telah diterapkan dalam tajuk Perjalanan Parameswara ke Melaka. Rancangan pengajaran harian saya berkaitan dengan tajuk ini adalah seperti terdapat pada Lampiran 2.

Melalui kaedah mneumonik berkumpulan ini, semua kumpulan dapat menghasilkan rangkaian perkataan yang sesuai malah terdapat sesetengah daripada hasil perbincangan kumpulan amat menarik. Hasil perbincangan Kumpulan 1 hingga 6 adalah diringkaskan seperti berikut.

	Kumpulan 1	Kumpulan 2	Kumpulan 3	Kumpulan 4	Kumpulan 5	Kumpulan 6
<b>Palembang</b>	Parameswara	Phang Qi Li	Paramewara	Pak	Pak Ali	P
<b>Temasik</b>	Tidak	Tidak	Telah	Temasik	Tidak	T
<b>Muar</b>	Mahu	Mahu	Masuk	Marah	Mahu	M
<b>Melaka</b>	Mandi	Mandi	Melaka	Maria	Makan	M

Gambar 1 hingga 4 menunjukkan beberapa hasil kerja kaedah mneumonik berkumpulan bagi tajuk Perjalanan Parameswar ke Melaka.



Gambar 1: Hasil Kerja Kumpulan 1  
( Parameswara tidak mahu mandi)



Gambar 2 : Hasil Kerja Kumpulan 2  
(Phang Qi Li tidak mahu mandi)



Gambar 3: Hasil Kerja Kumpulan 5  
(Pak Ali tidak mahu makan)



Gambar 4: Hasil Kerja Kumpulan 3  
(Paraswara telah masuk Melaka)

Jadi, melalui kaedah mneumonik berkumpulan, masalah yang dihadapi pada minggu yang lepas telah dapat diatasi. Berdasarkan rangkai kata yang dicipta oleh kumpulan pelajar, dapat disimpulkan bahawa rangkai kata yang dicipta bergantung kepada daya kreativiti dan kecenderungan pelajar. Melalui kaedah mneumonik berkumpulan, pelajar yang kurang kreatif dapat berbincang dengan pelajar yang lebih kreatif. Idea yang dicurahkan oleh pelajar yang kreatif secara tidak langsung dapat merangsang pelajar yang kurang kreatif supaya dapat menghasilkan rangkaian kata tanpa meniru. Bagi memperkukuhkan ingatan pelajar, saya juga mengarahkan setiap kumpulan memaparkan hasil kerja mereka di sudut mata pelajaran.

## REFLEKSI

Setelah beberapa sesi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah mneumonik dijalankan, saya amat berpuas hati dengan pencapaian serta kebolehan yang dipaparkan oleh murid saya. Walaupun pada peringkat awal terdapat sebilangan pelajar tidak mampu menghasilkan rangkaian kata untuk diri sendiri, tetapi masalah ini dapat diatasi melalui kaedah mneumonik berkumpulan. Hal ini juga bermakna pelajar akan lebih menghargai dan berasa puas dengan apa yang diciptanya sendiri (sumbangan dalam kumpulannya) berbanding dengan apa yang diberi tanpa melibatkan usaha sendiri. Apa yang penting ialah daya kreativiti pelajar juga dapat dicungkil. Hal ini bukan saja dapat mengatasi masalah pelajar mengingati fakta-fakta Sejarah yang bertimbun-timbun malah dapat menambahkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah.

Hasil daripada temu bual bersama 6 orang pelajar (seorang daripada setiap kumpulan), didapati bahawa kaedah mneumonik ini memudahkan mereka mengingatkan fakta Sejarah dengan mudah. Ini dapat dibuktikan semasa temu bual bersama pelajar iaitu semasa saya menanyakan 2 orang pelajar tentang 'Kaedah Pengkajian Sejarah' dan 'Perjalanan Parameswara ke Melaka', didapati bahawa mereka dapat menyebut rangkai kata yang telah dicipta mereka dan memberi jawapan yang betul. Pelajar juga berasa seronok dan berminat dalam mempelajari subjek Sejarah melalui kaedah mneumonik. Saya telah difahamkan oleh pelajar bahawa kaedah mneumonik ini telah memudahkan mereka membuat ulang kaji. Pelajar juga berharap guru akan menerapkan lagi kaedah mneumonik dalam tajuk yang sesuai pada masa akan datang atau mempraktikkan kaedah mneumonik

berkumpulan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kerana mereka berpendapat bahawa perbincangan dalam kumpulan dapat memperkukuhkan ingatan mereka tentang fakta Sejarah.

Berdasarkan perbincangan ini, dapatlah disimpulkan bahawa kaedah mneumonik boleh digunakan sebagai satu kaedah atau teknik pengajaran bagi guru dan pembelajaran bagi pelajar. Penggunaan teknik ini tidak terbatas kepada mana-mana mata pelajaran, cuma perlu inovasi dan kreativiti guru itu sendiri. Kesesuaian kaedah ini lebih bermakna jika guru dan pelajar itu sendiri mempunyai kreativiti yang tinggi dalam membentuk sesuatu rangkai kata. Diharap dengan cara ini, pengajaran dan pembelajaran dalam kelas akan menjadi lebih mudah dan menarik. Ini amat relevan dengan kondisi pelajar sekarang dan masa hadapan yang memerlukan bentuk pengajaran dan pembelajaran yang mudah tanpa menjejaskan objektif pengajaran dan pembelajaran.

## BIBLIOGRAFI

Bahagian Pendidikan Guru. (2001). *Garis panduan pelaksanaan kursus penyelidikan tindakan maktab perguruan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gan Teck Hock. (1999). Mencari titik keseimbangan di antara keunggulan teori dan kenyataan praktis: satu kes pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam pengajaran matematik sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak*, Jilid 2, No 1, 68-85.

Jeffery anak Menggu. (2003). "Aya Du." Dalam *Prosiding Seminar Kajian Tindakan 2003, 8-9 Oktober 2003*. Terbitan bersama Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Samarahan dan Jabatan Pendidikan Bahagian Sri Aman, 133-147.

McNiff, J. (1995). *Teaching as Learning*. London: Routledge.

Rahil Mahyuddin, Jami'ah Mohamad & Kasnani Ab. Karim. (2000). *Psikologi Pendidikan II*. Kuala Lumpur: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Yew Chee Wai, Maty Tan & Ros Maria Chin. (2005). *Ulang kaji Total Sejarah PMR*. Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.

Lampiran 1

Tingkatan: 1 Amanah  
Tarikh: 4 April 2005  
Hari: Isnin  
Masa: 0700-0740 (40 minit).  
Bil Pelajar: 38 orang  
Mata Pelajaran: Sejarah  
Bab 1: Sejarah dan Kita  
Topik: Kaedah Pengkajian Sejarah

Hasil Pelajaran: Pada akhir topik, pelajar dapat:

1. menggunakan kaedah mneumonik untuk mengingatkan 3 Kaedah pengkajian Sejarah.
2. menyatakan Kaedah Pengkajian Sejarah.
3. mengelas Kaedah Pengkajian Sejarah.
4. mengaplikasikan kemahiran Sejarah dalam Pengkajian Sejarah.

Patriotisme/nilai: Jujur dan bertanggungjawab dalam membuat penyelidikan dan penilaian tentang sesuatu peristiwa sejarah agar masyarakat mendapat maklumat yang tepat dan benar.

BBM: Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu, Gambar gali cari untuk mengkaji barang tinggalan sejarah di Lembah Bujang dan carta yang menunjukkan 3 Kaedah Pengkajian Sejarah.

Langkah	Isi Pelajaran	Aktiviti Guru	Aktiviti Murid	Catatan
Induksi Set (5 minit)	Pengenalan kepada topik	1. Guru menunjukkan gambar gali cari	1. Pelajar memerhati	Kaedah: Soal jawab



	pengajaran.	kepada pelajar. 2. Guru bertanya pelajar mengenai gambar tersebut.	gambar yang ditunjukkan oleh guru. 2. Pelajar cuba memberi respons mengenai gambar tersebut.	Mengimbas kembali mengenai tajuk yang sudah diajar.  BBM: gambar gali cari.
Langkah 1 ( 5 minit)	Kaedah Pengkajian Sejarah	1. Guru menggunakan carta untuk menerangkan kepada pelajar tentang kaedah pengkajian sejarah dan mengemukakan soalan kepada pelajar.	1. Pelajar mendengar penjelasan daripada guru dan menjawab soalan guru.	Topik "Kaedah pengkajian sejarah" sebenar telah diajar pada minggu yang lepas. Hari ini hanya digunakan untuk menerap dalam kaedah mneumonik. BBM: Carta
Langkah 2 (5 minit)	Kaedah mneumonik	1. Guru menerangkan kaedah mneumonik kepada pelajar dengan menggunakan contoh. 2. Guru meminta beberapa orang pelajar memberi contoh kaedah mneumonik.	1. Pelajar mendengar penjelasan daripada guru. 2. Pelajar memberi contoh kepada guru.	Guru memperkenalkan kaedah mneumonik kepada pelajar.
Langkah 3 (20 minit)	Aplikasi Kaedah mneumonik dalam topik "Kaedah Pengkajian Sejarah".	1. Guru meminta pelajar membina rangkai kata sendiri untuk mewakili 3 kaedah pengkajian Sejarah. 2. Guru meminta beberapa orang pelajar membentang rangkaian kata yang mereka hasilkan.	1. Pelajar membina rangkai kata sendiri untuk mewakili 3 kaedah pengkajian sejarah. 2. Pelajar membentang rangkaian kata yang mereka hasilkan.	Sesi Pembentangan diadakan.  Guru sebagai Fasilitator.
Penutup ( 5 minit)	Rumusan	1. Guru membuat rumusan pembelajaran hari ini.	1. Pelajar mendengar penjelasan daripada guru	

Lampiran 2

Tingkatan: 1 Amanah  
 Tarikh: 11 April 2005  
 Hari: Rabu  
 Masa: 1200-1320 (40 minit).  
 Bil Pelajar: 38 orang  
 Mata Pelajaran: Sejarah  
 Bab 4: Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka  
 Topik: Parameswara Pengasas kesultanan Melayu Melaka.  
 Hasil Pelajaran: Pada akhir topik, pelajar dapat:  
 1. memerihalkan peristiwa pengasasan Kesultanan Melayu Melaka.  
 2. melakar perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka.

Patriotisme/nilai: Berusaha membebaskan Palembang daripada Majapahit dan berbudi pekerti mulia dan berwawasan.

BBM: Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu: Buku Panduan Guru , Peta Asia Tenggara,

Langkah	Isi Pelajaran	Aktiviti Guru	Aktiviti Murid	Catatan
Induksi Set ( 5 minit )	Pengenalan kepada topik pengajaran.	1. Guru menanya pelajar tentang lokasi Melaka berdasarkan peta Asia Tenggara. 2. Guru mengaitkan peta dengan topik hari ini.	1. Pelajar memerhati peta yang dipamerkan oleh guru dan menjawab soalan guru. 2. Pelajar mendengar penjelasan guru.	BBM: Peta Asia Tenggara
Langkah 1 ( 15 minit)	Parameswara Pengasas Kesultanan Melayu Melaka – Perjalanan Parameswara ke Melaka.	1. Dengan menggunakan peta, guru memberi penjelasan secara umum perjalanan Parameswara ke Melaka dan peristiwa yang berlaku. 2. Guru bahagikan pelajar kepada 6 kumpulan. 3. Guru meminta pelajar membincang perjalanan Parameswara ke Melaka dan peristiwa yang berlaku.	1. Pelajar mendengar penjelasan daripada guru. 2. Pelajar bentuk 6 kumpulan dan pilih seorang ketua kumpulan. 3. Pelajar membincang tajuk yang telah diberi oleh guru.	Guru sebagai Fasilitator.
Langkah 2 (30 minit)	Perjalanan Parameswara ke Melaka	1. Guru meminta pelajar membincang dan membina rangkaian kata yang boleh mewakili tempat yang telah disinggah oleh Parameswara dengan urutan yang betul dalam kumpulan (kaedah mneumonik). 2. Guru memberi kad manila kepada pelajar supaya mereka dapat menuliskan hasil perbincangan dalam kad manila.	1. Pelajar membincang dan membina rangkaian kata (kaedah mneumonik) dalam kumpulan. 2. Pelajar menulis hasil perbincangan mereka dalam kad manila yang telah diberi oleh guru.	Guru sebagai Fasilitator.  Pengetahuan Sedia ada- Kaedah mneumonik.  BBM: kad Manila
Langkah 3 (25 minit)	Pembentangan daripada setiap kumpulan	1. Guru meminta setiap kumpulan menghantar seorang pembentang untuk membentangkan hasil perbincangan mereka. 2. Guru membuat pembetulan / penambahan maklumat bagi setiap kumpulan.	1. Pelajar membentangkan hasil perbincangan mereka. 2. Pelajar mendengar maklumat yang ditokok tambah guru. 3. Pelajar melekat hasil kumpulan mereka pada sudut	BBM: kad manila yang dihasilkan oleh pelajar.  Sesi Soal Jawab  Pengukuhan ingatan pelajar.

		3. Guru meminta pelajar supaya hasil kumpulan dilekat pada sudut bacaan.	bacaan.	
Penutup (5 minit)	Rumusan	1. Guru meminta beberapa orang pelajar membuat rumusan pelajaran hari ini. 2. Guru membuat rumusan keseluruhan. 3. Guru mengedarkan kertas soalan pengukuhan kepada pelajar sebagai kerja rumah.	1. Pelajar yang dipilih membuat rumusan tentang pelajaran hari ini. 2. Pelajar mendengar rumusan daripada guru. 3. Pelajar menyimpan latihan yang telah diberi.	Latihan akan dibincang pada minggu depan.  BBM: kertas edaran latihan pengukuhan.

### Ringkasan Sesi

Soalan 1: Adakah pembentang menghadapi masalah dalam mendedahkan kaedah mneumonik untuk pelajar Tingkatan 1? (Cikgu Stanley)

Jawapan: Pelajar Tingkatan 1 Amanah merupakan pelajar yang aktif dalam melaksanakan kerja berkumpulan dan ada yang mencipta hasil kerja dalam Bahasa Iban. Oleh itu, pilih salah satu daripada beberapa (Cikgu Tang).

Komen: Pernyataan yang diberikan pembentang tentang keluhan murid tidak sesuai kerana adakah pelajar belajar Sejarah sewaktu di sekolah rendah? Kenapa disertakan RPH? (Cikgu Benjamin)

Jawapan: Apa yang dimaksudkan saya ialah pelajaran pada awal tahun. Saya lampirkan RPH kerana 2 kali digunakan.

Soalan 2: Mengapakah guru hanya menggunakan kaedah pengajaran sehala dalam p&p?(Peserta A)

Jawapan: Ada interaksi 2 hala dalam proses p&p dalam kerja berkumpulan (Cikgu Tang)

Komen: Guru boleh menggunakan banyak pendekatan dalam p&p seperti *jigsaw* juga. Terdapat juga proses p&p yang mana topik tidak sesuai untuk perbincangan 2 hala. Ini merupakan isu pedagogi yang sering dihadapi. Yang penting, mana yang lebih sesuai. Pembentang menyatakan bahawa teknik mneumonik merupakan teknik yang berkesan dalam pengajarannya (Pn. Chuah).

Dilaporkan oleh:

Cikgu Noyien Misid  
Sek. Keb. Tanjung Bijat